

**“... BAGI MENJALANKAN DENGAN SEMPURNANYA  
PEKERJAAN KERAJAAN NEGERI INI ...”:  
MENTERI BESAR PERLIS DAN  
AHL AL-SUNNAH WAL AL-JAMA’AH**

**“... FOR THE GOOD MANAGEMENT OF THE PUBLIC AFFAIRS OF  
THE STATE...”: CHIEF MINISTER OF PERLIS AND AHL AL-SUNNAH  
WAL AL-JAMA’AH**

**Hazman Hassan<sup>1</sup>  
Mohd Kasturi Nor Abdul Aziz<sup>2</sup>  
Ahmad Hifzurrahman Ridzuan<sup>3</sup>  
Muhammad Isyraf Ishak<sup>4</sup>  
Mohd Nazim Mohd Noor<sup>5</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
(Email: hazman@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis  
(UniMAP), Malaysia, (Email: kasturi@unimap.edu.my)

<sup>3</sup>Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis  
(UniMAP), Malaysia, (Email: hifzurrahman@unimap.edu.my)

<sup>4</sup>Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAIPs), Malaysia,  
(Email: isyrafishak13@gmail.com)

<sup>5</sup>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Malaysia,  
(Email: mohdnazim@maips.gov.my)

**Article history**

**Received date** : 19-9-2023  
**Revised date** : 25-9-2023  
**Accepted date** : 29-10-2023  
**Published date** : 14-11-2023

**To cite this document:**

Hassan, H., Abdul Aziz, M. K. N., Ridzuan A. H.,  
Ishak, M. I., & Mohd Noor, M. N. (2023). “... Bagi  
Menjalankan Dengan Sempurnanya Pekerjaan  
Kerajaan Negeri Ini ...”: Menteri Besar Perlis Dan  
Ahl Al-Sunnah Wal Al-Jama’ah. *Journal of islamic,  
social, economics and Development (JISED)*, 8 (58),  
147 – 156.

**Abstrak:** *Perlembagaan Negeri Perlis mengkanunkan Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah sebagai agama bagi negeri semenjak 1 Februari 1948 lagi. Sementara negeri-negeri lain di Malaysia memasukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah atau Islam Sunni secara tidak langsung sebagai mazhab rasmi melalui konvensyen dan tradisi, Perlembagaan Negeri Perlis melangkah lebih jauh dengan mengukuhkan kedudukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah sebagai entiti yang tidak terpisah lagi daripada agama negeri menerusi undang-undang. Adapun Perlembagaan Persekutuan Malaysia hanya menyepi berkenaan mazhab rasmi dalam memahami dan mengamalkan Islam sebagai sebuah negara. Raja Perlis daripada Wangsa Jamalullail sebagai Ketua Negeri, diamanahkan dengan tugas yang amat mustahak sebagai pelindung tertinggi Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah oleh perlembagaan ini. Menteri Besar Perlis selaku Ketua Kerajaan yang dilantik sesudah melalui proses Pilihanraya Umum setiap 5 tahun sekali juga memiliki peranan tersendiri dalam menjamin kelestarian agama bagi negeri Perlis ini. Oleh yang demikian, artikel ini akan mengutarakan peruntukan undang-undang yang dilaksanakan*

*oleh Menteri Besar Perlis demi menyuburkan Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Perlis.*

**Kata Kunci:** *Perlis, Raja Perlis, Menteri Besar Perlis, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Sunni*

**Abstract:** *The State Constitution of Perlis has formally codified Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah as the religion of the state since February 1<sup>st</sup> 1948. While other states in Malaysia incorporate Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah or Sunni Islam, as the official school of thought indirectly via conventions and traditions, the State Constitution of Perlis takes a more secure approach by legally establishing Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah as an indivisible component of the Perlis state religion. In contrast, the Federal Constitution of Malaysia does not explicitly specify the official school of thought for the practise of Islam in the country. According to the State Constitution, the Raja of Perlis as the Head of State from the Jamalullail Dynasty holds the most significant responsibility of serving as the paramount defender of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. The Menteri Besar or Chief Minister, as Head of Government who is appointed following each general election held every five years, assumes an important duty in ensuring the sustainability of the religion of the state. Hence, this article aims to provide a comprehensive analysis of the legal provisions implemented by the Menteri Besar of Perlis in order to foster the growth and development of Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, as enshrined in the Constitution of Perlis.*

**Keywords:** *Perlis, Raja of Perlis, Perlis Chief Minister, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Sunni*

## **Pengenalan**

Di Negeri Perlis, sudah menjadi kewajipan untuk individu yang diperkenankan sebagai Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis atau EXCO, untuk mengangkat sumpah jawatan di hadapan Raja Perlis. Artikel 40 bagi Perlembagaan Negeri Perlis, yang dinamakan secara khusus sebagai Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948, memperuntukkan lafaz kepada sumpah jawatan tersebut. Antara lain sumpah ini bermula seperti berikut:

“Saya ... , yang telah dipilih dan dibenar masuk ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya dengan timbangan saya yang sehabis-habis baik pada segala masa yang dikehendaki atau memberi dengan bebas nasihat saya kepada Raja Pemerintah bagi menjalankan dengan sempurnanya pekerjaan Kerajaan Negeri ini ... “

Oleh yang demikian, artikel ini akan mengutarakan peruntukan undang-undang yang dilaksanakan oleh Menteri Besar Perlis demi menyuburkan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Perlis.

## **Institusi Menteri Besar Perlis**

Aspek kenegaraan di Negeri Perlis semakin terserlah dengan kewujudan sistem politik yang kompleks, diterajui oleh para pembesar yang membantu Raja-raja Wangsa Jamalullail Perlis menguatkuasakan undang-undang sehingga tersebarlah kestabilan dan kemakmuran (Buyong, 2019). Raja Perlis yang pertama, Raja Syed Hussin Ibni Syed Harun Jamalullail (1843-1873) melantik seorang pembesar yang dikenali sebagai Tok Arau menjadi ketua para pembesar negeri atau Bendahara yang diistilahkan sebagai Perdana Menteri Perlis (Ahmad & Yazid, 1992). Digelar sebagai Dato' Belat Seri Paduka Perdana Menteri, Tok Arau dan

diteruskan oleh para zuriat beliau dan pembesar-pembesar lain, telah mengikhtiarkan pelaksanaan pentadbiran Perlis selama berdekad-dekad lamanya. Institusi pembesar seperti ini menjadi pendahulu sejarah kepada kesinambungan fungsi yang sama dilaksanakan oleh Menteri Besar dalam konteks negeri Perlis moden.

### **Menteri Besar Perlis Pra-Kemerdekaan**

Apabila gagasan Malayan Union dimansuhkan oleh British hasil penentangan hebat Raja-raja Melayu dan orang-orang Melayu di Semenanjung, telah berlaku perubahan dalam struktur pentadbiran negeri-negeri. Kedaulatan Raja-raja Melayu telah dipulihkan di mana baginda menjadi Ketua Negeri bagi negeri masing-masing. Penasihat British atau *British Adviser* masih wujud untuk memberikan nasihat kepada Raja, tetapi diturunkan tarafnya di bawah Menteri Besar. Sebaliknya seorang Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu diperkenankan untuk dilantik sebagai Menteri Besar yang membantu pemerintahan Raja-raja dengan mengetuai pentadbiran negeri (Abdul Aziz, 2013).

Sejak 1 Februari 1948, negeri Perlis buat pertama kalinya memiliki Menteri Besarnya sendiri. Dengan perkenan DYMM Tuanku Syed Putra Ibnu Tuanku Syed Hassan Jamalullail iaitu Raja Perlis kelima (1945-2000), Raja Haji Ahmad Bin Raja Endut telah menjalankan tugas Menteri Besar Perlis bermula 1 Februari 1948 sehingga 27 Mei 1959 (Ahmad & Yazid, 1992). Dalam tempoh tersebut, khasnya apabila beliau berada di luar negeri, atau mengambil cuti panjang, atau atas sebab-sebab tertentu yang lain, maka jawatan Menteri Besar akan dipangku buat sementara waktu oleh seorang lagi Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Antara para Pemangku Menteri Besar Perlis yang pernah berkhidmat pada ketika itu ialah Tan Sri Ahmad Bin Haji Husin, Dato' Laksamana Mohd Razalli Bin Haji Ali Wasii, Dato' Abdullah Bin Sahat dan Dato' Mohd Shamsuddin Bin Mohd Ya'acob.

Sebagai Menteri Besar, Raja Haji Ahmad Bin Raja Endut telah dilantik untuk mewakili Perlis ke Majlis Undangan Persekutuan atau *Federal Legislative Council* yang bersidang di Kuala Lumpur (Julie, 2002). Raja Haji Ahmad dan pemangku beliau turut menjadi Yang DiPertua kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dinaiktaraf daripada struktur *State Council* yang sudah wujud semenjak Perlis menerima pengaruh British secara tidak rasmi pada tahun 1909 lagi.

Bermula 1 Februari 1957, Dato' Laksamana Mohd Razalli Bin Haji Ali Wasii telah diperkenankan oleh DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail untuk menjadi Menteri Besar Perlis kedua. Seperti Raja Haji Ahmad, beliau juga merupakan seorang Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Dato' Laksamana Mohd Razalli terus memegang jawatan Menteri Besar sehingga 30 April 1959 (*Jurnal Warisan Indera Kayangan Bilangan 17*, 2005).

### **Selayang Pandang Menteri-menteri Besar Perlis**

Dalam tahun 1955, sebuah perlembagaan baharu bagi Persekutuan Tanah Melayu telah dikuatkuasakan. Hasilnya sebuah pilihanraya yang bercorak kebangsaan yang dinamakan Pilihanraya Umum telah dijalankan (Mohd Salleh, 2010). Di peringkat negeri pula ditubuhkan sebuah Dewan Undangan Negeri di mana penyandang kerusi-kerusi turut dipilih menerusi pengundian oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum. Selepas Persekutuan Tanah Melayu meraih kemerdekaan dan bermula selepas Pilihanraya Umum kali ke-2 pada tahun 1959, buat kali pertama jawatan Menteri Besar Perlis disandang oleh tokoh politik yang memenangi Pilihanraya Umum yang diperkenankan oleh Raja Perlis, dan bukan lagi oleh Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Ahmad & Yazid, 1992).

Tan Sri Syeikh Ahmad Bin Mohd Hashim (1959-1971), iaitu Pengerusi UMNO Perlis, Pengerusi Perikatan Negeri Perlis dan mantan Pegawai Kewangan Negeri Perlis menjadi Menteri Besar Perlis ketiga. Namun beliau merupakan Menteri Besar Perlis yang buat julung-julung kalinya terdiri dalam kalangan tokoh politik yang bertanding dan menang dalam Pilihanraya Umum (Syeikh Ahmad, t.t). Menteri Besar Perlis keempat ialah seorang peguam dan mantan penghulu. Beliau adalah Dato' Jaafar Bin Hassan (1972-1981).

Seorang mantan guru, Dato' Ali Bin Ahmad (1981-1986) pula menjadi Menteri Besar Perlis kelima. Kesenambungan kepimpinan Menteri Besar Perlis diteruskan oleh Tan Sri Dr. Abdul Hamid Bin Pawanteh (1986 – 1995) sebagai Menteri Besar Perlis keenam. Beliau merupakan doktor perubatan yang apabila bersara sebagai Menteri Besar Perlis pernah dilantik sebagai Speaker Dewan Negara (2003-2009) di Parlimen Malaysia.

Menteri Besar Perlis ketujuh ialah Dato' Seri Shahidan Bin Kassim (1995-2008) yang pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kemajuan Negeri Perlis. Selepas memenangi Pilihanraya Umum ke-12 pada tahun 2008, Dato' Seri Shahidan bersedia untuk menyambung perkhidmatan sebagai Menteri Besar Perlis (Mahathir, 2011). Walau bagaimanapun, pencalonan beliau tidak mendapat perkenan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibnu Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis keenam.

Dalam kaitan ini, Hazman dan Mohd Kasturi Nor (2020) memerhatikan:

“Dalam urusan pelantikan Menteri Besar Perlis pada tahun 2008, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menolak pencalonan Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim untuk dilantik semula sebagai Menteri Besar Perlis yang dikemukakan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Sebaliknya, baginda memperkenankan Dato' Seri Dr. Md. Isa Sabu menjadi Menteri Besar Perlis pada tahun 2008”.

Justeru Dato' Seri Md Isa Bin Sabu (2008-2013) iaitu seorang mantan guru, telah menjadi Menteri Besar Perlis kelapan.

Menteri Besar Perlis kesembilan adalah Dato' Seri Azlan Bin Man (2013-2022). Beliau merupakan mantan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Berkenaan pelantikan Dato' Seri Azlan, Hazman dan Mohd Kasturi Nor (2020) mencatatkan:

“Asas ketegasan baginda dalam hal ini berpandukan bidang kuasa baginda sebagai Raja Negeri Perlis dan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Ketegasan yang serupa juga telah dizahirkan dalam titah baginda sempena upacara mengangkat sumpah jawatan YAB Dato' Seri Azlan Man sebagai Menteri Besar pada tahun 2013”.

Dalam Pilihanraya Umum ke-15, “gelombang hijau” yang melanda telah menumbangkan pemerintahan Barisan Nasional (BN) di Negeri Perlis. Buat kali pertama, Perlis mendapat Menteri Besar yang latar belakang politiknya bukanlah parti UMNO mahupun Perikatan/Barisan Nasional (BN). Dengan itu, Tuan Mohd Shukri Bin Ramli seorang mantan guru dan Pesuruhjaya PAS Negeri Perlis telah mengangkat sumpah pada 22 November 2022. Sebagai Menteri Besar Perlis yang kesepuluh, beliau kini menjadi Ketua Kerajaan Perikatan Nasional (PN) di Negeri Perlis.

## **Menteri Besar Perlis dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah***

Menteri Besar Perlis selaku Ketua Kerajaan yang dilantik sesudah melalui proses Pilihanraya Umum setiap 5 tahun sekali, turut memiliki peranan tersendiri dalam menjamin kelestarian agama Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* bagi negeri Perlis. Subtopik ini akan memaparkan perihal Menteri Besar Perlis seperti yang dikanunkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948.

### **Institusi Menteri Besar Perlis menurut Perlembagaan Negeri Perlis**

Makalah ini menggunakan konotasi Institusi Menteri Besar Perlis disebabkan seseorang Menteri Besar Perlis bukan sahaja memiliki peruntukan kewangan khas dalam belanjawan tahunan negeri Perlis. Bahkan beliau memiliki jentera tersendiri terdiri daripada setiausaha-setiausaha, pegawai-pegawai khas, pusat khidmat dan sebagainya. Hanya satu “anak tangga” di bawah kekuasaan Raja Perlis, Menteri Besar menjadi Ketua Kerajaan yang memiliki bidang kuasa yang luas dan terperinci, serta pengaruh yang tersendiri kepada keseluruhan hirarki pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis.

Artikel 37(2) bagi Perlembagaan Negeri Perlis mensyaratkan bahawa seseorang itu hanya layak menjadi Menteri Besar Perlis jika beliau seorang etnik Melayu dan wajiblah berpegang kepada Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Dua syarat asas yang penting ini disebutkan seperti berikut:

“Tiada boleh diangkat mana-mana orang menjadi Menteri Besar melainkan ia itu daripada bangsa Melayu dan beragama Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*”

Untuk seseorang bakal Menteri Besar menubuhkan Kerajaan Negeri Perlis selepas selesainya pilihanraya, artikel 39(2)(a) memberikan pedomannya sebagaimana berikut:

“Raja hendaklah mula-mula sekali melantik seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang pada timbangannya boleh mendapat kepercayaan bilangan ramai ahli-ahli Dewan Negeri menjadi Menteri Besar bagi mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan”

Urusan pelantikan Menteri Besar adalah merupakan hak prerogatif Raja Perlis di mana baginda memiliki kuasa-kuasa budi bicara yang luas. Artikel 39(4) memperuntukkan bidang kuasa baginda yang dimaksudkan seperti berikut:

“Pada masa melantik seorang Menteri Besar maka Raja boleh dengan suka hatinya sendiri meninggalkan apa-apa syarat dalam Undang-undang Tubuh ini yang menghadkan haknya memilih seseorang Menteri Besar, jika pada pendapatnya mustahak berbuat demikian untuk memenuhi syarat-syarat dalam Perkara ini”

Seterusnya jika sekiranya majoriti ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perlis hilang keyakinan terhadap seseorang Menteri Besar, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh beliau hendaklah meletakkan jawatan. Artikel 39(6) menghuraikan situasi ini seperti di bawah:

“Jika Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Negeri, ia hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan jika Dewan Negeri dibubarkan oleh Raja atas permintaan Menteri Besar”

### ***Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam Perlembagaan Negeri Perlis**

Di Negeri Perlis, *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dikanunkan sebagai agama bagi negeri semenjak tahun 1948 lagi. Artikel 5 dalam Perlembagaan Negeri Perlis menyatakan:

“Agama bagi negeri adalah agama Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* seperti telah diamalkan di dalam negeri”



Demi untuk memperjelaskan lagi tafsiran Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam Perlembagaan Negeri Perlis, Jawatankuasa Syariah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) atau kini digelar sebagai Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, telah mengeluarkan fatwa pada tahun 1989 yang mengisytiharkan:

“Pengertian *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* ialah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Qur'an, al-Sunnah dan pendapat para Sahabat yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata daripada Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah”.

Maka fatwa ini menekankan sifat-sifat Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* iaitu kemestian berpegang kepada al-Qur'an, al-Sunnah dan pendapat para Sahabat Nabi Muhammad, tetapi tanpa membataskannya kepada perspektif golongan Asha'irah dan Maturidiyah sahaja.

Di samping itu, fatwa ini juga menegaskan pendirian MAIPs dan Kerajaan Perlis yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab fiqh yang tertentu. Sebaliknya pandangan sebarang mazhab fiqh akan diterima berpandukan kesahihan dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang dibawakan sebagai hujah oleh mazhab fiqh tersebut. Fatwa ini bersambung dengan *sighah* berikut:

“Majlis (MAIPs) tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu. Di dalam Mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari Kitab Allah atau Sunnah Rasul-Nya atau Jemaah Sahabat Rasulullah s.a.w. maka Majlis sedia menerima dan beramal dengannya. Adapun Mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam Mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada Mazhab itu dan mengambil pendapat-pendapat mereka yang ada alasan daripada Al-Quran, As-Sunnah dan Jemaah Sahabat Rasulullah”

Oleh yang demikian, Perlembagaan Negeri Perlis bersama-sama fatwa ini menegaskan bahawa Kerajaan Perlis dan seisi negeri berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan paling tinggi dan utama, mengalakkan ijthad dalam isu-isu kontemporari serta menolak taqlid buta (Abdul Rahman, 1989). Pendirian ini disambut positif sebagai mendahului zaman oleh penyokongnya tetapi dianggap kontroversi oleh penentangannya. Pegangan negeri Perlis adalah bitara memandangkan tiga belas buah negeri lain dalam Persekutuan Malaysia menetapkan mazhab Syafie sebagai mazhab fiqh yang rasmi, dominan serta mengikat setiap Umat Islam di negeri-negeri tersebut.

Di Negeri Perlis, Raja Perlis sebagai Ketua Negeri menjadi pelindung tertinggi Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Mohd Nazim & Hazman, 2018). Seseorang kerabat diraja Wangsa Jamalullail hanya layak menaiki takhta Kerajaan Perlis jika baginda merupakan seorang muslim yang berakidah, bersyariah dan berakhlak dengan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Artikel 19 iaitu Kelayakan Raja menegaskan:

“Melainkan seperti yang disyaratkan di dalam Perkara 14, Raja itu hendaklah seorang daripada bangsa Melayu dan darah raja keturunan pemerintah-pemerintah Negeri Perlis dan laki-laki dan beragama Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*”

Di Perlis hanya satu agama iaitu Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sahaja memiliki pelindung yang menurut perlembagaan negeri bergelar Ketua Agama Negeri, yang disandang oleh Raja Perlis. Peruntukan artikel 6(1) memperincikan kewajipan baginda sebagai Ketua Agama Negeri yang dibantu oleh sebuah dewan diraja bernama MAIPs:

‘Ketua agama bagi Negeri ialah Raja dan Raja boleh memerintah supaya dibuat undang-undang untuk tujuan mengatur dan menubuh sebuah majlis yang dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi membantu dan menasihati Baginda di dalam segala perkara yang berkaitan dengan agama Negeri dan adat istiadat Melayu’

### **Menteri Besar Perlis sebagai Perisai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah***

Jika Raja Perlis sebagai Ketua Negeri diamanahkan dengan tugas yang amat mustahak sebagai pelindung tertinggi Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*, maka Menteri Besar Perlis selaku Ketua Kerajaan menjadi “tangan kanan” baginda yang bertindak sebagai perisai kepada Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*. Dalam situasi di mana seseorang Menteri Besar Perlis didapati enggan menegakkan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* maka sesungguhnya beliau telah hilang kelayakan menjadi Menteri Besar, seperti mana yang diperuntukkan dalam Artikel 37(2) yang telah dibentangkan di atas.

Sebagai tambahan, wajarlah Artikel 36(1) dan Artikel 36(2) tentang kekuasaan pemerintahan turut diteliti:

“(1) Maka kekuasaan pemerintahan Negeri ini hendaklah terserah kepada Raja Pemerintah tetapi pekerjaan pemerintahan itu bolehlah diberikan oleh undang-undang kepada orang atau penguasa yang lain.

(2) Sekalian perbuatan pemerintahan Kerajaan Negeri ini hendaklah disebut dijalankan dengan nama Raja Pemerintah”

Justeru menurut Perkara 36 ini, kuasa eksekutif tertinggi Kerajaan Negeri Perlis juga terletak hak pada Raja Perlis. Oleh kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis dan seluruh penjawat awam negeri menjalankan kuasa eksekutif bagi pihak Raja Perlis, maka semua anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis dan penjawat awam negeri turut terikat dengan peruntukan Perkara 5 iaitu agama bagi negeri ialah Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*.

Untuk itu, sebarang nasihat yang diberikan kepada Raja Perlis di bawah Perkara 41 Perlembagaan Negeri Perlis juga mestilah tidak boleh menjejaskan kedudukan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*. Maka Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* sebagai agama bagi negeri, hakikatnya mengikat semua pihak yang terlibat dengan pemerintahan negeri bermula daripada Menteri Besar Perlis, Setiausaha Kerajaan Negeri Perli pegawai-pegawai sehinggalah ke peringkat paling bawah. Tambahan pula Raja Perlis yang berpegang kepada Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* adalah Ketua Negeri yang berdaulat.

Oleh itu Kerajaan Negeri Perlis yang diketuai oleh Menteri Besar Perlis tidak boleh melakukan sesuatu tindakan yang boleh memudarat, menghakis atau mencemarkan kedudukan dan kesucian Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* di dalam negeri. Adalah langsung tidak masuk akal jika ‘Urusan Duli Yang Maha Mulia’ yang dilaksanakan oleh kerajaan yang mentadbir negeri bagi pihak Raja Perlis didapati mencabul atau tidak sejajar dengan pegangan agama baginda sendiri yang juga agama bagi Negeri Perlis (Hazman & Mohd Nazim, 2020). Maka sesungguhnya peruntukan-peruntukan yang mempertahankan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* ini telah mengukuhkan lagi autoriti Raja-raja Wangsa Jamalullail sebagai Raja Pemerintah Negeri Perlis.

Dalam sistem Raja Berperlembagaan, seperti juga Raja-raja Melayu di negeri-negeri lain, Raja Perlis hendaklah menurut nasihat yang diberikan oleh Menteri Besar Perlis dan kerajaan yang

dipilih menerusi Sistem Demokrasi Berparlimen khasnya pilihanraya umum setiap lima tahun sekali (Abdul Aziz, 2006). Walau bagaimanapun, demi untuk memastikan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* kekal terpelihara dan terus dipertahankan, Perlembagaan Negeri Perlis telah mengecualikan baginda daripada terikat kepada nasihat kerajaan yang diketuai oleh Menteri Besar. Sebaliknya, Perlembagaan Negeri Perlis membimbing baginda untuk menggunakan kuasa-kuasa budi bicara seperti yang termaktub pada Perkara 41(2)(d):

“Berkuasalah Raja Pemerintah boleh menjalankan menurut timbang teleknya ketika menyempurnakan mana-mana pekerjaan yang tersebut di bawah ini yang harus diberikan kepadanya (bagi menambah pekerjaan yang boleh disempurnakan menurut timbang teleknya menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Persekutuan) iaitu:

(d) Apa-apa pekerjaan sebagai Ketua Agama Islam atau bersangkutan dengan adat istiadat orang-orang Melayu”.

Justeru menerusi peruntukan ini, ketegasan Perlembagaan Negeri Perlis akan berpadu dengan kepahlawanan seseorang Raja Perlis demi melestarikan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tanpa ada tawar menawar lagi (Shukor, 2001).

Selain itu, masih terdapat peruntukan lain dalam Perlembagaan Negeri Perlis yang menetapkan peranan Menteri Besar Perlis selaku Ketua Kerajaan menjadi “tangan kanan” kepada Raja Perlis yang bertindak sebagai perisai kepada Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Perlembagaan Negeri Perlis menetapkan untuk setiap individu yang dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis, hendaklah bersumpah mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 sekaligus menjunjung Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* sebagai agama bagi negeri (Hazman & Mohd Nazim, 2020). Artikel 57(1) Sumpah Ahli-ahli memerincikan:

“Tiap-tiap Ahli Dewan Negeri sebelum mengambil tempatnya hendaklah mengangkat sumpah di hadapan orang yang mengetuai Dewan ini dengan lafaz yang tersebut di bawah ini:

Saya..... yang telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri Perlis dengan sepenuhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan jawatan saya ini dengan seberapa daya upaya saya, dan saya akan setia dan taat kepada Negeri Perlis dan kepada Persekutuan Tanah Melayu dan saya akan menjaga, melindungi dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis.”

Tambahan pula, Perlembagaan Negeri Perlis juga mengisytiharkan bahawa Dewan Undangan Negeri Perlis hanya boleh bersidang dan menggubal peraturan selagi mana tidak bercanggah dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Ini bermakna setiap perkara yang hendak digubal tidak boleh bertentangan dengan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan akan terbatal dengan sendirinya setakat mana ia bercanggah. Artikel 59(1) Peraturan Dewan Negeri menjelaskan:

“Setakat yang tiada bercanggah dengan syarat-syarat Undang-Undang Tubuh Kerajaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh ini maka hendaklah Dewan Negeri itu mengaturkan sendiri peraturannya dan boleh dari suatu masa membuat, meminda dan membatalkan peraturan-peraturan persidangan dan perintah-perintah Majlis Mesyuarat bagi mengatur dan menjalankan dengan sempurna persidangannya dan perjalanan pekerjaan”.



## Rumusan

Kelestarian Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* merupakan salah satu ciri asas Perlembagaan Negeri Perlis. Ciri asas ini bukan sahaja mencorak identiti negeri atau terbatas kepada urusan perlantikan jawatan utama, bahkan semangat Perlembagaan (*the spirit of the Constitution*) wajib diterjemahkan ke atas polisi-polisi kerajaan negeri yang diketuai oleh Menteri Besar Perlis, yang juga menjalankan kuasa eksekutif bagi pihak Raja Perlis.

Oleh yang demikian, pemeraksanaan Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah teras kedaulatan Kerajaan Perlis yang sangat signifikan lagi tidak dapat diketepikan begitu sahaja. Justeru amat tepat jika ditegaskan apabila Raja Perlis sebagai Ketua Negeri bertindak sebagai pelindung tertinggi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, maka Menteri Besar Perlis selaku Ketua Kerajaan hendaklah menjadi “tangan kanan” baginda yang berfungsi sebagai perisai kepada Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Apabila hakikat ini dihayati dan berubah kepada tindakan, maka barulah bertepatan dengan huruf dan semangat sumpah jawatan Menteri Besar yang dilafazkan oleh beliau menurut Perlembagaan Negeri Perlis, iaitu antara lain menegaskan “*bagi menjalankan dengan sempurnanya pekerjaan Kerajaan Negeri ini ...*”

## Rujukan

- Abdul Aziz Bari (2006), *Majlis Raja-raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Abdul Aziz Bari (2013), *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Abdul Rahman Abdullah (1989), *Gerakan Islah di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Ahmad Ismail & Yazid Mat (1992), *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis.
- Buyong Adil (2019), *Sejarah Perlis*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2020), *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) & MAIPs.
- Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor (2020), *Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli Sunah Waljamaah Dalam Perlembagaan Negeri Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) & MAIPs.
- Julie Tang Su Chin (2002), *Sejarah Kerajaan Perlis, 1841 – 1957 = History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957*. Kuala Lumpur: Monographs of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 32
- Mahathir Mohamad (2011), *A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Mohd Nazim Mohd Noor & Hazman Hassan (2018), *Sirajul Muluk: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Di Bawah Naungan Tiga Putera Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) & MAIPs.
- Mohd Salleh Abas (2010), *Unsur-unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Perlembagaan Persekutuan* (2012), Petaling Jaya: International Law Books Services.
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis: Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2008* (2008). Kangar: Kerajaan Negeri Perlis.
- “Senarai Menteri Besar Perlis dan Pemangku Menteri Besar Negeri Perlis Mulai 1948 - Sekarang”. (2005). *Jurnal Warisan Indera Kayangan Bilangan 17*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (PPANPs).

Shukor Mat (2001), *As-Sunnah di Perlis*. Kangar: MediaONE Publications.

Syeikh Ahmad Mohd. Hashim (t.t), "*Sejarah Tan Sri Syeikh Ahmad Bin Mohd. Hashim*".  
Manuskrip Belum Diterbitkan.